

## Kadar sifar GST dijangka kukuh sektor automotif

KUALA LUMPUR: Pengeluar bahagian automotif, New Hoong Fatt Holdings Bhd, menjangka sektor automotif tempatan akan memberikan prestasi lebih baik pada setengah tahun kedua tahun ini berikutan pelaksanaan kadar sifar Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST), bermula hari ini.

Pengarah Urusannya, Chin Jit Sin, berkata kadar sifar GST adalah baik kepada ekonomi kerana ia akan merangsang jualan.

"Kami melihat setengah tahun kedua yang lebih baik tahun ini dan berharap pasaran pengguna akan lebih agresif," katanya kepada pemberita selepas mesyuarat agung tahunan syarikat berkenaan, di sini, hari ini.

Mengenai masa depan, beliau berkata, syarikat berkenaan melihat pasaran ASEAN sebagai pemacu pertumbuhan masa depannya.

Katanya, pasaran serantau terus berkembang, terutama di Indonesia, Thailand, Vietnam dan Filipina, walaupun pasaran Malaysia menghampiri titik tepunya.

"Kami melihat untuk menggapai pasaran lebih besar di luar Malaysia di mana terdapat peluang untuk kami berkembang," katanya.

Jit Sin berkata, Indonesia dan Thailand mempunyai bilangan penduduk yang besar dan jumlah kenderaan terjual (TIV) berbanding Malaysia, justeru menyediakan syarikat lebih banyak peluang untuk membekalkan produknya.

Chin menambah bahawa, Vietnam dan Filipina juga mempunyai penduduk yang besar dengan TIV yang kecil yang memberikan potensi luas kepada syarikat.

Bagi suku pertama berakhir 31 Mac 2018, untung bersih New Hoong Fatt susut kepada RM1.82 juta daripada RM7.37 juta yang dicatatkan pada tempoh sama tahun lalu, manakala perolehan susut sedikit kepada RM60.90 juta daripada RM62.47 juta sebelumnya.

Dalam makluman kepada Bursa Malaysia, syarikat berkenaan mengatakan keputusan itu berikutan kadar tukaran mata wang asing yang tidak menguntungkan, perolehan yang rendah daripada pasaran eksport dan harga bahan mentah yang tinggi serta kos pengeluaran lain. - BERNAMA

<https://www.bharian.com.my/bisnes/auto/2018/06/432905/kadar-sifar-gst-dijangka-kukuh-sektor-automotif>